



MPC.600-7/3/126

3 Jun 2021

ARAR Venture
No. 21-A, Jalan BPU 8,
Bandar Puchong Utama,
47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
(U.P : Tn Haji Abd Rahman Haji Abd Rahim)

Tuan,

JEMPUTAN SEBAGAI KOORDINATOR PROGRAM BAGI TIGA (3) PROGRAM WEBINAR BERSIRI UNTUK PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DARI SYARIKAT CONTOH DI BAWAH PROGRAM SPPE.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Seksyen Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS) ingin menjemput syarikat **ARAR Venture** sebagai **Koordinator Program** untuk mengelola dan menyelaraskan program seperti di atas.

3. Untuk makluman, kadar bayaran untuk penugasan ini adalah tertakluk kepada ketetapan dari JPPK MPC bermula 2021 yang menetapkan kadar bayaran sebanyak RM1,000.00 setiap sesi program. Bagi tujuan ini, pihak Tuan adalah tertakluk kepada skop penugasan seperti dalam Term of Reference (**TOR**) dan jadual pelaksanaan program dalam Lampiran 1 di bawah.

4. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan tawaran ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan Surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Tuan dalam menjayakan penugasan selaku **Koordinator Program Webinar Bersiri Untuk Perkongsian Amalan Terbaik Dari Syarikat Contoh Di Bawah Program SPPE**. Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti mereka melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rosmi Abdullah', with a stylized flourish at the end.

(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN 1

TERM OF REFERENCE (TOR)

1. Menyediakan platform atas talian.
2. Menyediakan topik yang berkaitan dengan **Digitalisasi EKS Ke Arah Industri 4.0**. Topik yang dipilih perlulah dirujuk kepada MPC untuk persetujuan.
3. Merancang & mengatur sesi program webinar **seperti tarikh yang dicadangkan oleh pihak MPC**.
4. Sebarang perubahan tarikh atau masa perlulah dirujuk dan mendapat kebenaran dan persetujuan pihak MPC.
5. Menghantar jemputan maklumat program kepada peserta (Minimum jumlah peserta perlulah mencapai sebanyak 100 orang setiap sesi webinar).
6. Mempromosikan program (melalui brosur, surat jemputan/email, social media).
7. Menyediakan laporan penuh selepas aktiviti program selesai dijalankan.
8. Merekodkan perbincangan serta menyediakan laporan akhir program.
9. Bayaran untuk penugasan adalah secara berfasa, iaitu dilakukan selepas selesai setiap program.

TENTATIF PROGRAM

Tarikh	Hari	Program	Pembekal	Bayaran
9 Ogos 2021	Isnin	Webinar Siri 1	ARAR	1,000.00
12 Ogos 2021	Khamis	Webinar Siri 2		
18 Ogos 2021	Rabu	Webinar Siri 3		
26 Ogos 2021	Khamis	Webinar Siri 4	ARAR	1,000.00
2 Sept 2021	Khamis	Webinar Siri 5		
8 Sept 2021	Rabu	Webinar Siri 6		
14 Sept 2021	Selasa	Webinar Siri 7	ARAR	1,000.00
20 Sept 2021	Isnin	Webinar Siri 8		
24 Sept 2021	Jumaat	Webinar Siri 9		
30 Sept 2021	Khamis	Webinar Siri 10		
JUMLAH BAYARAN (RM)				3,000.00

PENGAKUAN PENERIMAAN

Surat Setuju Terima Dan Lampiran Yang Berkaitan Oleh Syarikat

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas. Salinannya yang mana telah disimpan.

_____ } Tandatangan Syarikat

Nama Penuh :
No Kad Pengenalan :
Alamat :
No Akaun Bank :
Nama Bank :
Tarikh :

_____ } Tandatangan Wakil Syarikat

Nama Penuh :
No Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Diberikan dengan sempurna untuk manandatangani untuk dan bagi pihak:

Meterai atau Cop Syarikat

Tarikh:.....